

# Selamat Kuala Lumpur 100 Tahun

Setelah melalui zaman yang panjang riwayatnya, akhirnya bandar Kuala Lumpur berjaya merayakan Hari Ulangtahunnya yang ke-100 dengan meriahnya selama tiga hari, dari 13 hingga 15 Jun yang lalu.

Beribu-ribu orang dari segala tingkatannya telah berduyun-duyun menyaksikan perayaan yang bersejarah itu. Pertunjukan bunga api di Lake Garden, perarakan kereta-kereta yang berhias, sukan kanak-kanak di Stadium Merdeka, dan pameran gambar-gambar sejarah “Kuala Lumpur Dahulu dan Sekarang” telah diadakan dengan sepenuh-penuh kejayaan.

Dari bandar Kuala Lumpur inilah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan kepada dunia<sup>1</sup> – pada 31 August 1957.

## Asal-usul Sejarahnya

Riwayat Kuala Lumpur mula-mula zahir ke dunia ialah dalam zaman Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor yang penuh zamannya dengan “Perang Saudara”, tamat pada satu kurun yang lalu.

Bijih timah, salah satu hasil Tanah Melayu yang utama dan menjadi punca kekayaannya, mempunyai pertalian yang rapat dengan riwayat Kuala Lumpur.

Tatkala perusahaan lombong, yang dibuka oleh Raja Abdullah (seorang kerabat diraja Selangor) dengan bantuan modal pinjaman dari saudagar-saudagar Cina telah berjaya mengeluarkan hasil pada tahun 1859, maka serentak dengan itu seorang saudagar Melayu (anak Sumatera – “Sutan Puasa” namanya) telah berkongsi dengan dua orang saudagar Cina membuka sebuah kedai, yang kemudiannya tempat itu telah bertambah ramai dan terkenal dengan nama “Kuala Lumpur” kerana letak kedudukannya yang penting – di tepi sungai.

Oleh kerana negeri Selangor mengalami “Perang Saudara” dari tahun 1867 hingga 1873, maka kerajaan Inggeris pun mulai mencelah masuk

dan berjaya “menaungi” negeri itu pada tahun 1874.

Pegawai British yang mula-mula memegang kuasa di Selangor ialah Sir Frank Swettenham. Ia telah memegang jawatan *British Resident* dari tahun 1882 hingga 1889. Dalam zamannya pertadbiran bandar Kuala Lumpur telah diatur olehnya dengan rapi.

Diantara orang-orang yang mengambil bahagian dalam kemajuan bandar yang bersejarah ini ialah Tauke Yap Ah Loy, seorang pelombong yang berjaya, yang pernah menjadi “Kapitan Cina” di Selangor.

## Kuala Lumpur Hari Ini

Kuala Lumpur hari ini yang berpenduduk hampir-hampir setengah juta, sedang meningkat maju untuk mencapai taraf sebuah bandaraya yang sangat penting di Asia Tenggara.

Dalam pada itu, Kuala Lumpur, ada pula kelemahannya dalam segi perkembangan bahasa Melayu. Walaupun bahasa Melayu telah diisytiharkan menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal, walaupun Kuala Lumpur berasa bangga kerana dihiasi oleh Maktab Perguruan Bahasa (setinggi

<sup>1</sup> tulisan di dalam teks tidak jelas



*Bangunan yang tersergam dengan hebatnya ini, yang berbentuk dan bersendikan kesenian Islam yang indah, tetap menjadi lambang kebanggaan Kuala Lumpur zaman-berzaman. Didirikan pada tahun 1894, pernah menjadi ibu pejabat Negeri-negeri Melayu yang Bersekutu, dan sekarang menjadi pejabat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Tanah Melayu.*

14 tingkat) dan diserikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang masyhur itu, tetapi Kuala Lumpur masih menjadi tapak semaian yang subur bagi perkembangan bahasa-bahasa asing, dikecualikan bahasa Melayu.

Sekarang biarlah angka-angka bercakap dengan sendirinya:

Di Kuala Lumpur hari ini ada kira-kira 100 buah – sekolah menengah dan rendah – Inggeris, Cina, Melayu dan Tamil. (Diantaranya 12 buah sekolah Melayu, 38 buah sekolah Cina yang dibantu oleh kerajaan dan 12 buah sekolah Cina *private*).

Jumlah penuntut-penuntutnya pula seperti berikut:

24,074 orang di sekolah-sekolah Inggeris, 24,799

di sekolah-sekolah Cina, 6,093 di sekolah-sekolah Melayu, dan 2,782 orang-orang Tamil.

Angka-angka ini menunjukkan hanya 12 buah sekolah (iaitu sekolah-sekolah Melayu) di seluruh bandar Kuala Lumpur yang betul-betul mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal, manakala 80 buah sekolah yang lain masih berjalan terus menerus berteraskan bahasa-bahasa asing, sedang bahasa Melayu hanya ditumpangkan sebagai satu mata pelajaran – untuk melepaskan taksir sahaja.

Demikian Kuala Lumpur . . . . dalam kejayaannya dan kelemahannya.

– Basmeh